

**KAWASAN SEJARAH DARI PERSPEKTIF BUDAYA DALAM TEKS
SULALATUS SALATIN SEJARAH MELAYU DAN MISA MELAYU
THE HISTORICAL REGION FROM CULTURAL PERSPECTIVE IN THE
TEXT OF SULALATUS SALTIN AND MISA MELAYU**

*Siti Rabiatul Adawiah Binti Jaffar**

Arba'ie Bin Sujud

Salmah Jan Binti Noor Muhammad

Kamariah Binti Kamarudin

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.

*Sitirabiatuladawiah@Gmail.Com

ABSTRAK

Kawasan sejarah merupakan cabang warisan budaya ketara statik yang terhasil berdasarkan tinggalan sejarah sama ada hasil manusia atau hasil semula jadi, atau gabungan antara keduanya. Kawasan berkenaan juga digambarkan sebagai kawasan penempatan, yang di dalamnya terkandung pelbagai ciri terutamanya budaya dalam memperlihatkan fungsinya kepada masyarakat khalayak. Perihal kawasan sejarah ini dikenal pasti turut terkandung di dalam teks historiografi, seperti Sulalatus Salatin Sejarah Melayu dan Misa Melayu. Justeru, bagi mengetengahkan gambaran kawasan sejarah pada teks berikut, penelitian akan dijalankan dalam mengenal pasti kawasan sejarah dalam teks Sulalatus Salatin dan Misa Melayu serta menganalisis fungsinya terhadap masyarakat Melayu. Kaedah kajian adalah analisis teks dengan mengaplikasikan teori Kebudayaan Malik Bennabi yang berfokus kepada salah satu unsur, iaitu unsur teknologi. Hasil penelitian, mendapati kawasan sejarah dibina dengan gabungan dua komponen penting, dengan

membawa fungsi-fungsi tertentu, menganjur kepada gambaran identiti masyarakat Melayu.

Kata kunci: kawasan sejarah, hasil manusia, hasil semula jadi, Sulalatus Salatin Sejarah Melayu, Misa Melayu, budaya Melayu.

ABSTRACT

Historical region, one of tangible heritage, produce by historical remains whether the man's product or natural's product or combination of both. That region also describe as a placing, which contain a lot of characteristic especially culture to show the functions for societies. The historical region identified in historiography's text, such as Sulalatus Salatin Sejarah Melayu and Misa Melayu. Thus to highlight the historical region on text, the research will be carried out to identified the historical region on Sulalatus Salatin and Misa Melayu and to analyze the functions of historical region toward Malay. This research using textual method with the application of Cultural theory of Malik Bennabi, focusing on element of technology. The result found out, historical region is a product of two important component that carry certain function protrudes to show Malays identities.

Keywords: historical region, man's product, nature's product, Sulalatus Salatin Sejarah Melayu, Misa Melayu, Malay's culture

PENGENALAN

Kawasan sejarah merupakan salah satu cabang dalam warisan budaya ketara statik, yang telah digariskan oleh UNESCO, sebagai antara langkah penyelarasan di samping memudahkan proses pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan berkenaan. Jabatan Warisan Negara (2012), selaku badan berkanun yang ditubuhkan dalam mengendalikan warisan kebudayaan kebangsaan, menjelaskan konsep kawasan sejarah, sebagai hasil gabungan sama ada kerja manusia dan hasil semula jadi atau salah satu

daripadanya, sebagai contoh tapak arkeologi yang menggambarkan nilai tinggi sejarah, estetika, etnologi dan antropologi. Pandangan ini selaras dengan kenyataan World Heritage Convention (Fasal 2, 1992) yang menjelaskan kawasan sejarah sebagai hasil karya manusia atau gabungan karya manusia dengan karya alam, wilayah yang mencakupi lokasi tinggalan arkeologi dan mempunyai nilai penting kepada aspek persejarahan, budaya dan ilmu pengetahuan. Dengan itu, jelas bahawa kawasan sejarah dalam konteks ini dapat dinyatakan sebagai kawasan yang di dalamnya terkandung hasil manusia atau hasil semula jadi atau gabungan keduanya, yang menggambarkan ciri-ciri persejarahan, budaya, estetika, etnologi, antropologi dan ilmu pengetahuan dalam memperlihatkan warisan budaya sesebuah masyarakat.

Dalam hubungan ini, aspek warisan kebudayaan tidak dapat tidak berkait dengan perihal persejarahan. Begitu juga bagi kawasan sejarah, yang dilihat sebagai warisan kebudayaan bangsa yang kaya dengan nilai persejarahan yang tinggi. (Garis Panduan Perancangan KSAS, Warisan Kebudayaan dan Warisan Semula jadi, 2014). Perihal persejarahan menerusi kawasan sejarah turut diketengahkan menerusi kaya-karya Melayu tradisional, terutamanya historiografi Melayu, sebagai karya yang memerihalkan persejarahan masyarakat Melayu, merangkumi transisi perubahan masyarakat Melayu dari Hindu-Buddha kepada Islam seterusnya dirujuk sebagai karya yang mencorakkan persejarahan bangsanya (Hashim Awang et.al., 2016: 6). Oleh hal demikian, penumpuan akan diberikan kepada dua buah teks, iaitu Sulalatus Salatin Sejarah Melayu dan Misa Melayu, dalam mengupas perihal pembentukan kawasan sejarah, seterusnya menyumbang kepada kebudayaan khalayaknya.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan penjelasan berkenaan kawasan sejarah yang dikategorikan sebagai warisan budaya statik, jelas mempunyai hubungannya dengan aspek kebudayaan. Hal ini diperlihatkan melalui hubungan kawasan sejarah dengan kebudayaan masyarakat

Melayu, menerusi nilai yang terkandung padanya. Dalam konteks ini, nilai tersebut dapat diteliti bersandarkan kriteria pembentukan kawasan sejarah, iaitu hasil semula jadi dan hasil manusia seterusnya dihubungkan dengan fungsinya kepada masyarakat Melayu, sama ada secara gunaan dan simbolik.

OBJEKTIF KAJIAN

Kertas kerja ini akan meneliti dua objektif, iaitu 1. Mengenal pasti kawasan sejarah dalam teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu*. 2. Menganalisis fungsi kawasan sejarah dari aspek budaya.

METODOLOGI

Kertas kerja ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks sebagai kaedah utama. Kajian kepustakaan ini melibatkan proses pencarian maklumat daripada pelbagai sumber berkaitan. Selain itu, kaedah menganalisis teks pula melibatkan bacaan kritis dan pertimbangan serta penilaian terhadap pembentukan kawasan sejarah yang terkandung di dalam teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* sebagai teks kajian.

Di samping itu, bagi mengukuhkan pengkajian ini, penggunaan teori kebudayaan oleh Malik Bennabi turut diaplikasikan. Namun begitu, pengaplikasian tersebut hanya berfokus kepada unsur teknologi, iaitu salah satu unsur yang terkandung di dalam teori berkenaan. Unsur teknologi dalam konteks ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan perihal perindustrian. Hal ini apabila, semua bidang ternyata memerlukan industri, termasuklah sastera, profesion, kemahiran dan sains gunaan. Malah, penggembala juga dinyatakan mempunyai industri tersendiri dan diajar agar dapat menjadi seorang penggembala yang lebih berjaya. Dalam hal ini, Malik Bennabi (2003: 62) menjelaskan terdapat perbezaan di antara pengendalian penggembala yang menjalani latihan dan sebaliknya.

Sementara itu, perihal perindustrian juga dapat dirujuk sebagai kehidupan secara individu. Namun, bagi kehidupan

bermasyarakat, merujuk kepada pengekaln entiti dan perkembangan secara berterusan. Hal ini merupakan satu keperluan dalam membina badan atau majlis tertentu sebagai panduan teknikal, berhubung dengan kepelbagaian permasalahan berkenaan pendidikan teknikal sebagaimana yang amat diperlukan masyarakat Muslim. Hal ini penting bagi menyediakan golongan Muslim dalam menghadapi suasana penghidupan moden dalam membina peradaban bangsanya (Malik Bennabi, 2003: 62-63). Dalam pada itu, Malik Bennabi (2003: 63) turut menjelaskan perihal penyelesaian masalah berkenaan teknikal, yang seharusnya bermula dengan misi persejarahan. Hal ini berkait dengan latar belakang Muslim sebagai pewaris semangat Islam. Hakikatnya, semangat terbabit mudah digapai sekiranya masyarakat Muslim kembali menggali kebudayaan mereka.

Perkembangan dan penemuan ilmu pengetahuan banyak dihubungkan dengan persekitaran dan budaya yang turut sama berkembang. Ilmu pengetahuan yang diperoleh bukan hanya perlu diamalkan malah perlu sama dikembangkan sehingga adanya pakar-pakar tertentu dalam bidang tertentu. Teknologi juga merupakan unsur penting dalam mencipta kedinamikan kebudayaan. Hal ini jelas dapat direalisasikan apabila ilmu pengetahuan dapat dikembangkan secara serius melalui jalanjalan bagi mewujudkan persekitaran yang mendukung langkah positif, membina dan mengembangkan kemahiran dan kepakaran masing-masing dalam pembangunan masyarakat (Malik Bennabi, 2003: 62-63).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kawasan sejarah dikenal pasti terdiri daripada dua kriteria utama dalam pengklasifikasiannya, iaitu hasil manusia dan hasil semula jadi. Kedua-dua kriteria tersebut digunakan dalam meneliti budaya ketara terbabit, sebagaimana yang terkandung di dalam teks kajian, iaitu Sulalatus Salatin dan Misa Melayu. Walau bagaimanapun, kriteria berkenaan haruslah bersandar kepada ciri-ciri yang telah dinyatakan, antaranya adalah seperti ciri persejarahan, budaya,

estetika, etnologi, antropologi dan ilmu pengetahuan. Oleh hal demikian, berdasarkan penelitian, terdapat beberapa tempat atau wilayah yang dikenal pasti memenuhi kriteria kawasan sejarah, sebagaimana yang telah ditetapkan. Hal ini dapat dilihat menerusi dapatan pada jadual 1 dan jadual 2 pada bahagian lampiran.

Dalam hal ini, berdasarkan penelitian ke atas teks kajian, terdapat sejumlah 57 buah kawasan yang dikenal pasti memenuhi kriteria sebagai sesebuah kawasan sejarah. Setiap kawasan terhasil sama ada dari hasil manusia atau hasil semula jadi atau kedua-duanya, yang jelas memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan. Bagi teks Sulalatus Salatin, terdapat 35 buah kawasan sejarah, antaranya adalah seperti Dinding, Temasek atau Singapura, Semundra atau Sumatera, Pasai, Biawak Busuk, Kota Burok, Melaka, Pagoh, Pahang, Kuala Johor, Siak, Jeram, Langiu atau Kota Tinggi, Bijaya Negara, Palembang, Belambang Maujut atau Bangka Hulu, Inderagiri, Selat Air Tawar, Bintan, Bemban, Padang Maya, Bukit China, Kampar, Tanjung Batu, Cempa, Patani, Seluyud, Makam Tauhid, Batu Sawar, Pangkalan Rama, Pasir Raja, Pagar Ruyung, Kota Mahligai dan Kelantan.

Manakala, pada teks *Misa Melayu* pula terdiri daripada 22 buah kawasan, antaranya Berahman Indera, Pulau Indera Sakti, Tanjung Putus, Kuala Kangsar, Pulau Tiga, Pangkalan Halban, Kampar, Padang Bota, Pasir Perteriakan Tanjung Putus Ikan Terkurung, Kinta, Bidor, Pulau Sembilan, Padang Asam, Sayung, Lumut, Pangkor, Dinding, Teluk Sera, Jebung Permatang, Terusan Dulang, Pasir Pulai dan Rantau Panjang Indera Mulia. Hakikatnya, kawasan-kawasan berkenaan dapat dikelaskan kepada dua kelompok, sama ada terhasil daripada gabungan hasil manusia dengan hasil semula jadi atau salah satu daripadanya. Pembahagian tersebut adalah bertujuan bagi meneliti ciri-ciri yang terdapat pada kawasan sejarah, merangkumi objek atau hasil warisan yang mempunyai nilai penting bagi masyarakat Melayu.

Dalam hubungan ini, kawasan sejarah yang dikenal pasti memperlihatkan perkaitannya dengan kawasan penempatan. Hal ini apabila kawasan sejarah pada teks kajian diketengahkan sebagai kawasan yang berpotensi bagi membina sebuah negeri. Walau

bagaimanapun, pembinaan negeri yang berasaskan kepada kawasan sejarah, haruslah mengikut garis panduan yang menjadi pegangan dan kepercayaan semasa masyarakat Melayu sekali gus menyebabkan wujudnya beberapa persamaan pada kriteria kawasan sejarah seperti tanah lapang, dataran tanah tinggi, sumber perairan, kota dan kawasan penempatan. Hal ini dapat diteliti menerusi petikan teks berikut:

Syahadan maka negeri pun sudahlah dengan kota dan paritnya, yang dari hilir Sungai Kerting, yang dari hulu Sungai Johor; maka Bendahara dan Seri Nara Diraja menyegerakan orang membuat istana dan masjid, balairong kedua dan penanggahan, balai gendang, kolam telaga sekaliannya. Maka segala menteri, hulubalang orang kaya-kaya, sida-sida, betara sekaliannya pindahlah ke rumah masing-masing arah tempatnya, dan lebuah pekan pasar pun penuh pepak kedai orang; pada masa itu kampung orang arah ke hilir datang ke Beladung, yang ke hulu sampai ke bukit piatu, di hulu Kuala Johor.

(Sulalatus Salatin, 1979: 275-276)

Petikan tersebut memerihalkan ciri-ciri kawasan sejarah iaitu Kuala Johor, yang terdiri daripada kota lengkap dengan istana dan balai, sumber perairan seperti parit, sungai, kolam dan telaga, kawasan penempatan dengan kemudahan perdagangan seperti pelabuhan, pasar dan pekan, serta bukit. Ciri-ciri berkenaan merupakan aspek penting yang disarankan bagi sesebuah kawasan sejarah dalam memastikan kesejahteraan masyarakatnya. Berdasarkan kitab Tajul Muluk, pemilihan kawasan penempatan haruslah mengikut petua-petua yang telah ditetapkan, iaitu terdiri daripada kawasan yang lapang dan rata, agar penghuninya tenang dan hidup dalam keadaan yang senang, berdekatan dengan sumber air bagi memastikan penghuninya mendapat rezeki yang melimpah ruah. Manakala, kedudukan kota dan kawasan penempatan juga

hendaklah mengadap matahari jatuh (Abdul Rahman al-Ahmadi, 2003: 23).

Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu mempunyai pandangan yang berbeza berkenaan ciri-ciri kawasan sejarah selepas kedatangan agama Islam. Misalnya, kawasan sejarah disarankan agar mengadap ke barat [matahari jatuh], iaitu ke arah kiblat dan berhadapan dengan kawasan perairan, sama ada pantai atau sungai (Abdullah Sani Ahmad *et al.*, 2006: 16-17). Hal ini memberi peluang kemudahan kepada masyarakat Melayu yang beragama Islam dalam menunaikan rukun solat. Kawasan penempatan yang berhadapan dengan laut atau sungai juga memudahkan para penghuni untuk meninjau keadaan laluan keluar masuk sungai atau laut atas dasar keselamatan. Perihal pemilihan kawasan yang bersandar kepada rasional Islam juga digambarkan menerusi petikan di bawah:

“Selang beberapa hari, maka Paduka Bubunnya pun pergi menyerang sebuah negeri, hampir negeri Siam juga. Maka Tun Telanai dan Tun Jana Putera pun pergi dengan segala orangnya, maka oleh raja Siam segala orang Melaka diberinya ketumbukan pada tempat yang keras, kotanya teguh, dan senjatanya pun banyak; tetapi tempat itu mengadap ke matahari mati. Maka Tun Telanai pun mesyuarat dengan Menteri Jana Putera sembah Menteri jana Putera, “Tuanku, akan adat kami, segala Islam, apabila sembahyang, mengadap ke matahari mati; jikalau ada kurnia duli Pra Cau, biarlah patik-patik kepada ketumbukan yang lain. Perang mengadap ke matahari mati pemali.

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 103)

Petikan menjelaskan keadaan negeri yang ingin diserang Siam dengan bantuan tentera Melaka, iaitu kota yang dibina mengadap ke arah barat serta dilengkapi sistem pertahanan kukuh pada bahagian tersebut. Oleh disebabkan bilangan tentera yang

kecil, tentera Melaka menolak posisi serangan dari bahagian hadapan kota, namun menggunakan alasan bahagian hadapan kota dibina menghadap ke arah matahari mati [barat], iaitu arah kiblat bagi umat Islam dalam menunaikan solat. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan pandangan semesta masyarakat Melayu yang ketika itu menganggap binaan kota yang menghadap arah barat berkait dengan arah kiblat.

Dalam hubungan ini, faktor masa dilihat mampu mengubah tradisi pembentukan kawasan sejarah, iaitu bermula dari petua yang bersandarkan kepada nasib dan tuah kepada ilmu pengetahuan yang logik dan rasional. Apatah lagi dengan kedatangan Islam yang membawa sarana ilmu seterusnya mempengaruhi pandangan semesta masyarakat Melayu agar memberi penekanan kepada kepentingan ilmu. Kesannya, masyarakat Melayu menolak ilmu yang bersifat spekulasi dan taklid dan meletakkan kepentingan terhadap ilmu pengetahuan. Oleh hal demikian, lahirlah revolusi ilmu yang selaras dengan unsur teknologi yang dianjurkan oleh Malik Bennabi dalam teori Kebudayaannya.

Unsur teknologi merupakan unsur yang berkait dengan ilmu pengetahuan, iaitu usaha dalam membina budaya ilmiah dalam kalangan masyarakatnya. Menurut Malik Bennabi (2003: 62), dari aspek kemasyarakatan, unsur teknologi ini melibatkan usaha pengekalan dan perkembangan ilmu pengetahuan. Hal ini bermula dari ilmu pengetahuan asas yang jelas diperlukan oleh masyarakat semasa. Malah, dengan adanya ilmu pengetahuan yang berfokus, meningkatkan kebolehan yang diperlukan khalayak seterusnya melahirkan lebih banyak pakar dan kepakaran, sebagai antara keperluan dalam membina peradaban.

Dalam konteks ini, pembinaan kawasan sejarah jelas menjadikan unsur teknologi sebagai asas pembentukannya. Hal ini apabila, lahirnya proses pembudayaan ilmu yang seterusnya membawa kepada pengamalan menerusi transisi ilmu pengetahuan dalam penghasilan kawasan sejarah. Gambaran ini dilihat bermula dari ilmu pengetahuan asas, yang melibatkan ilmu tahyul, kemudian, ilmu tersebut jelas lebih berfokus, disulami dengan

kepercayaan dan pegangan masyarakat ketika itu. Hal ini melibatkan cara berfikir rasional, dengan menitik beratkan keadaan semasa, meliputi keperluan fizikal dan rohani masyarakatnya, sekali gus menyumbang kepada kesinambungan ilmu pengetahuan dalam mewujudkan budaya ilmu dalam sistem masyarakatnya (Malik Bennabi, 2003: 62). Gambaran unsur teknologi ini jelas bertepatan dengan pandangan Syihab Usman (2003: 282), berhubung kaedah fundamental dalam mewujudkan kebudayaan intelektual, iaitu meletakkan dasar berfikir secara ilmiah dan menolak ilmu berdasarkan spekulasi, taklid dan khurafat.

Di samping itu, unsur teknologi yang menjadi sandaran penghasilan kawasan sejarah juga diperlihatkan menerusi proses penghasilan kawasan sejarah tersebut. Sebelum kedatangan Islam, penilaian, pemilihan dan pembentukan kawasan sejarah mempunyai kesinambungannya dengan mitos-mitos semasa. Masyarakat Melayu tradisional menimbangankan kesesuaian sesebuah kawasan dengan nasib atau tuah berdasarkan kewujudan ciri-ciri luar biasa pada kawasan tersebut sebagaimana yang terdapat pada petikan berikut:

“Maka segala rakyat pun naiklah menebas; sekonyong-konyong melintas seekor binatang maha tangkas lakunya, merah warna bulu tubuhnya kehitam-hitaman kepalanya, dan putih dadanya; sikapnya terlalu perkasa, besar sedikit daripada kambing randuk. Setelah ia melihat orang banyak itu, lalu ia melompat, ghaib daripada mereka itu. maka titah Seri Teri Buana, “Apa nama binatang yang serupa itu?” maka tiada seorang pun menyahut. Maka sembah Demang Lebar Daun, “Tuanku, ceritera orang patik dengar, yang demikian sifat dan kelakuan binatang itu, singa konon namanya tuanku. Maka titah baginda, “Patutlah kita perbuat negeri tempat ini, kerana binatang gagah ada di dalamnya; dan sebutlah Temasek ini Singapura;...”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 38)

Menerusi petikan, digambarkan kewujudan mitos semasa proses pembukaan Singapura, iaitu munculnya haiwan yang dianggap luar biasa, sekali gus memberi keyakinan kepada Seri Teri Buana agar tanah Singapura terus diteroka. Jelaslah bahawa, pembukaan kawasan sejarah bagi masyarakat Melayu tidak dapat lari dari hubungannya dengan ciri-ciri mitos. Hal ini dinyatakan sama ada melalui sifat pada binatang yang kuat, tangkas dan ajaib, ciri pada pokok yang rimbun dan lebat serta tanah yang lapang dan indah. Bagi masyarakat Melayu tradisional, kesemua ciri-ciri tersebut merupakan lambang kepada nasib atau tuah yang terdapat pada kawasan berkenaan, seterusnya membawa kepada jaminan kesejahteraan kerajaan dan pemerintahannya.

Di samping itu, faktor tuah atau nasib yang dapat memberikan kebaikan ini juga dinilai berdasarkan peristiwa yang berlaku di sesebuah kawasan sejarah. Sekiranya terjadi peristiwa buruk ketika mendiami sesebuah kawasan, masyarakat Melayu tidak teragak-agak untuk berpindah ke tempat lain bagi mengelakkan kecelakaan. Hal ini dijelaskan pada petikan berikut:

“Sebermula Raja Iskandar Syah berjalan itu hampir ke hulu Muar, bertemu suatu tempat yang baik. Maka baginda berhenti berbuat tempat dengan pagarnya, akan berbuat negeri. Apabila malam hari, datanglah biawak terlalu banyak beribu-ribu. Setelah hari siang dibawa orang ke air, apabila malam datang pula berlaksa-laksa, serta siang hari di pandang orang banyak pula. Maka dibunuh orang buangkan ke air. Dan apabila malam datang pula berganda, dibunuh orang menjadi busuknya; maka itulah tempat itu dipanggil orang “Biawak Busuk”, datang lah sekarang. Maka Raja Iskandar pun berjalanlah dari sana...beberapa hari antaranya terus hampir ke Simpang Ujong, maka dilihat baginda tempat itu baik, lalu disuruh tebas, dibuat kota di sana, apabila malam menjadi buruk, maka dinamai

“Kota Buruk”. Baginda berjalan ke sana terus ke Sening Ujong.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 66-67)

Petikan menunjukkan perpindahan Raja Iskandar Syah dari Biawak Busuk dan Kota Buruk atas alasan berlakunya peristiwa yang dianggap membawa malang. Perpindahan baginda dari Biawak Busuk berpunca daripada bau busuk bangkai biawak yang dibunuh oleh penduduk tempatan. Manakala, baginda berpindah dari Kota Buruk disebabkan oleh faktor kota yang dibangunkan berubah menjadi buruk di malam hari. Peristiwa-peristiwa berkenaan menimbulkan keraguan dan rasa sangsi dalam hati baginda dan para rombongan justeru mengakibatkan perpindahannya ke kawasan yang dianggap lebih baik.

Dalam hubungan ini, peristiwa perpindahan baginda dan rombongan dari satu kawasan ke kawasan yang lain dalam usaha membuka negeri, bukan hanya disebabkan oleh masalah-masalah yang timbul, namun lebih tepat lagi, adalah disebabkan oleh kepercayaan semasa masyarakat Melayu berhubung dengan nasib baik atau tuah. Bagi masyarakat Melayu, peristiwa buruk yang berlaku semasa proses membuka negeri, merupakan suatu petanda kepada masalah yang bakal berlaku. Oleh itu, bagi mengelak bala dan sebarang kecelakaan, masyarakat Melayu memilih untuk berpindah ke kawasan lain yang lebih baik. Walau bagaimanapun, kepercayaan berkenaan kuasa alam tidak lagi menjadi panduan hidup masyarakat Melayu selepas kedatangan agama Islam. Kebergantungan kepada kuasa alam adalah dilarang dalam ajaran Islam. Oleh itu, peranan alam dilihat bukan lagi sebagai entiti yang mempunyai kuasa, namun lebih menjurus kepada sumber utama kepada keperluan hidup masyarakat Melayu. Hal ini turut dijelaskan menerusi pembukaan Pulau Indera Sakti semasa pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain sebagaimana pada petikan di bawah:

“Maka tersebutlah pula perkataan baginda hendak berubah tempat dari Berahman Indera itu, kerana tiada

sedap rasanya hati baginda diam di tempat ayahanda baginda itu. maka berfikirilah baginda siang dan malam hendak mencari tempat membuat negeri akan zaman baginda itu. Maka ada satu tempat dibuka Allah Taala kepada hati baginda itu di Pulau Cempaka Sari, kerana tempat itu sudah dibuat baginda tempat bermain-main; maka tersangkutlah kepada baginda akan tempat itu...Maka titah baginda, “Adapun akan kita ini, pada hati beta tiadalah mahu lagi berdiam di sini, kerana tiada sedap kita nobat dekat dengan kandang makam Almarhum itu, melainkan yang kehendak hati beta ini hendak berubah tempat dari Berahman Indera ini; baiklah kita berbuat tempat asing akan zaman kita, supaya didapati oleh anak cucu kita kemudian hari kelak.” Maka sembah Raja Muda dan segala orang besarbesar, “Di mana gerangan tuanku hendak membuat tempat itu? Supaya patik sekalian kerjakan.” Maka titah baginda itu, “Adapun Pulau Cempaka Sari di situlah kita hendak buat tempat itu...”

(Misa Melayu, 1992: 29- 30)

Peristiwa pada petikan memperlihatkan faktor perpindahan pusat pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain dari Berahman Indera ke Pulau Indera Sakti, yang ternyata berfokus kepada keperluan semasa masyarakatnya. Antara faktor-faktornya ialah, pulau tersebut dinyatakan sebagai kawasan permainan [perburuan] baginda, rasa hormat kepada Almarhum ayahanda mertua baginda yang merupakan pemerintah negeri Perak sebelum ini, rasa tanggungjawab baginda agar mewarisi pengetahuan itu terhadap generasi akan datang dan atas dasar kepercayaan dan keyakinan kepada Allah s.w.t yang telah membuka hati baginda untuk memilih kawasan tersebut sebagai pusat pemerintahan baharu kerajaan Melayu Perak.

Faktor-faktor berkenaan jelas dipertimbangkan secara rasional oleh baginda berdasarkan nilai tanggungjawab baginda

selaku pemerintah baharu kerajaan Perak. Pertimbangan tersebut ternyata memberi perhatian kepada generasi terdahulu [Almarhum] dan generasi akan datang [anak cucu] yang diselaraskan dengan kepercayaan dan keyakinan baginda terhadap ketentuan Allah s.w.t. Oleh sebab baginda sendiri menjadikan Pulau Cempaka Sari sebagai kawasan perburuan, sudah tentu di dalamnya kaya dengan pelbagai hasil alam, yang dilihat penting sebagai sumber kehidupan masyarakat Melayu.

Jelaslah, bahawa tradisi pembentukan sesebuah kawasan sejarah boleh berubah bersandarkan kepada faktor masa, iaitu bermula dengan kepercayaan terhadap mitos-mitos semasa kepada ilmu pengetahuan yang bersifat akhiah dan rasional. Hal ini berkait dengan kedatangan agama Islam yang membawa pelbagai perubahan, termasuklah pemikiran dan pandangan hidup masyarakatnya. Islam yang membawa sarana ilmu dan penekanan kepada kepentingan berilmu, menyebabkan masyarakat Melayu menolak segala pandangan yang bersifat tahyul dan khurafat. Malah, saranan kepada pembudayaan ilmu oleh Islam, menyebabkan masyarakat Melayu mempraktikkan ilmu pengetahuan dalam segenap kehidupan mereka, termasuklah dalam pembentukan kawasan sejarah. Hal ini dijelaskan dalam unsur teknologi menerusi teori kebudayaan Malik Bennabi.

Dalam pada itu, unsur teknologi ini jelas berkait dengan ilmu pengetahuan yang menganjur kepada proses pengekaln dan perkembangannya. Dari sudut kemasyarakatan, unsur teknologi ini melibatkan usaha pengekaln dan perkembangan ilmu pengetahuan (Malik Bennabi, 2003: 62). Hal ini bermula dari ilmu pengetahuan asas yang jelas diperlukan oleh masyarakat semasa. Kemudian, ilmu pengetahuan yang berfokus, meningkatkan kebolehan yang diperlukan khalayak seterusnya melahirkan lebih banyak pakar dan kepakaran, sebagai antara keperluan dalam membina peradaban.

Ilmu pengetahuan yang dijana menerusi penghasilan kawasan sejarah, menampilkan wujudnya transisi perubahan dari ilmu berbentuk tahyul dan khurafat kepada ilmu berasakan akal dan rasional, selaras dengan ajaran agama Islam. Dalam konteks ini,

ilmu terbabit digunakan sebagai persediaan menghadapi penghidupan yang lebih baik dalam membina peradaban (Malik Bennabi, 2003: 62-63). Tambahan pula, pengalaman gaya hidup berkenaan jelas mewujudkan budaya intelektual dan perkembangan ilmu pengetahuan yang berasaskan rasional dan akal sebagaimana yang ditekankan oleh Islam. Hal ini turut diakui oleh Syihab Usman (2003: 281-282) yang menyatakan dalam konteks Islam, persekitaran ilmiah dimulai dengan perkataan 'iqra' iaitu bacalah kemudian dibantu dengan beberapa kaedah yang menciptakan ruang dan psikologi sosial bagi mewujudkan budaya intelektual dan perkembangan ilmu pengetahuan.

Seterusnya, pemilihan sesebuah kawasan sejarah sebagai kawasan penempatan turut bergantung pada faktor-faktor semasa, misalnya keadaan atau ciri tertentu yang terdapat pada sesebuah kawasan sejarah. Dalam hal ini, perihal keselamatan pada dasarnya dapat dijana menerusi kriteria-kriteria yang terdapat pada kawasan sejarah, termasuklah hasil semula jadi pada kawasan terbabit, sebagaimana yang digambarkan pada petikan di bawah:

“Setelah beberapa lamanya, maka Raja Suran pun sampailah kepada sebuah negeri Gangga Negara namannya, Raja Gangga Syah Johan nama rajanya. Maka ada pun negeri itu di atas bukit juga; dipandang dari hadapan terlalu tinggi, dan dari belakang rendah juga; ada sekarang kotanya di darat Dinding, ke sana Perak sedikit. Setelah Raja Gangga Syah Johan mendengar khabar Raja Suran datang, maka baginda menyuruhlah menghimpunkan segala rakyatnya, dan menyuruh menutup pintu kotanya, dan bangunanbangunan pun disuruh tunggui, dan parit pun dipenuhi dengan air.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 10)

Petikan menggambarkan sistem pertahanan melalui hasil semula jadi pada Kota Gangga Negara, iaitu bukit. Walau bagaimanapun, penekanan turut diberikan pada gambaran bukit

berkenaan, iaitu dari pandangan hadapan memperlihatkan bentuknya yang tinggi dan curam, namun, jika dilihat dari bahagian belakang bukit, tanah tinggi tersebut kelihatan rendah dan landai. Perbezaan bentuk bukit tersebut merupakan kelebihan kepada sistem pertahanan kota. Hal ini kerana, keadaan bentuknya yang curam dari pandangan hadapan menyukarkan musuh untuk mendaki bukit bagi menyerang kota. Sebaliknya, keadaan bukit yang landai dari pandangan belakang memberi kelebihan kepada penduduk dari dalam kota untuk melarikan diri apabila berlaku serangan. Kelebihan sistem pertahanan ini turut dinyatakan pada teks kajian seperti yang terdapat pada petikan di bawah:

“Maka segala rakyat Raja Suran pun tiada boleh tampil;
kenaikan baginda gajah meta. Maka beberapa ditikam
dan dipanah dari atas bukit.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 10)

Petikan memerihalkan keadaan tentera Raja Suran yang mengalami kesukaran mendaki bukit di Kota Gangga Negara ketika menyerang kota tersebut. Malah, dengan adanya serangan balas dari arah kota oleh askar-askar Gangga Negara, menyukarkan lagi tentera Raja Suran untuk mara ke hadapan. Senario ini dikaitkan dengan keadaan bukit yang berbeza dari pandangan hadapan dan belakang, sekali gus memberi kelebihan kepada Kota Gangga Negara sekiranya berlaku serangan mengejut (Abdul Halim Nasir, 1990: 56).

Secara keseluruhan, unsur teknologi dilihat mendasari penghasilan budaya ketara kawasan sejarah Melayu. Masyarakat Melayu menggunakan segala sumber yang terdapat di persekitaran mereka, yang kemudiannya membentuk hasil manusia. Hasil manusia dan alam [hasil] semula jadi dimanfaatkan bersama dalam melahirkan kawasan sejarah yang turut menjadi penempatan masyarakatnya. Usaha tersebut secara tidak langsung menampilkan kemampuan masyarakat Melayu semasa dalam menggunakan persekitaran bagi membentuk hasil budaya yang mampu memberi

manfaat kepadanya seterusnya mewujudkan revolusi ilmu menerusi pembudayaan ilmu pengetahuan dan perkembangannya.

Secara tuntas, ilmu pengetahuan merupakan aspek penting dalam penghasilan sesebuah budaya ketara, misalnya kawasan sejarah. Hal ini hakikatnya bagi memastikan keberhasilan kawasan sejarah dalam memenuhi keperluan masyarakat setempat. Ilmu pengetahuan ini bukan sahaja melibatkan kaedah pembukaan kawasan sejarah, merangkumi komponen padanya, malah meliputi ilmu tentang penggunaan aspek terbabit. Hal ini jelas selaras dengan unsur teknologi, iaitu unsur keempat pada teori kebudayaan Malik Bennabi.

Unsur teknologi merupakan unsur yang berkait dengan ilmu pengetahuan. Malik Bennabi menjelaskan kesemua bidang memerlukan ilmu pengetahuan (Malik Bennabi, 2003: 62). Ilmu yang diperoleh digunakan dalam membangunkan industri dan khalayak semasa. Dalam konteks masyarakat, unsur teknologi merujuk kepada pengekalan ilmu sedia ada, kemudian mengembangkannya secara berterusan. Hal ini bermaksud, ilmu pengetahuan yang diperoleh bukan hanya perlu diamalkan malah perlu sama disebarluaskan sehingga adanya pakar-pakar dan kepakaran dalam bidang tertentu. Malah, pengamalan ilmu terbabit, melahirkan budaya ilmu yang mampu memberi manfaat kepada masyarakatnya.

Dalam konteks ini, pengetahuan dalam proses penghasilan kawasan sejarah bersandarkan persekitaran semasa, dijadikan ilmu dalam pembinaan penempatan dalam kalangan masyarakat Melayu. Penghasilan kawasan terbabit digunakan dalam melahirkan kawasan penempatan yang berkesan malah bermanfaat kepada khalayaknya. Pengaplikasian ilmu berkenaan memperlihatkan keupayaan masyarakat Melayu melahirkan pakar dan kepakaran yang bersesuaian dengan kehendak semasa. Bahkan, turut melahirkan budaya ilmu dengan menyebarkan kepakaran sedia ada. Pandangan ini selaras dengan anjuran Malik Bennabi (2003: 63) berkenaan kepentingan unsur teknologi dalam melahirkan kepakaran iaitu menerusi kepimpinan teknikal yang dimiliki masyarakatnya. Hal ini turut difahami Syihab Usman (2003:

281), yang menyatakan unsur teknologi menganjur kepada pengaplikasian langkah fundamental ke arah mewujudkan budaya intelektual dan perkembangan ilmu pengetahuan.

Sementara itu, gambaran yang memperlihatkan wujudnya sesebuah kawasan sejarah, turut dinyatakan pada sumber perairan, yang terdapat pada kawasan sejarah. Sumber perairan merupakan hasil semula jadi yang penting dalam sesebuah kawasan sejarah. Hal ini demikian kerana, sumber perairan jelas memberi pelbagai kemudahan, sekali gus membawa pelbagai kebaikan kepada kawasan sejarah terbabit sebagaimana yang diperlihatkan menerusi petikan berikut:

“Adapun ini suatu riwayat diceritakan oleh yang empunya ceritera; ada sebuah negeri, Indera Pura namanya; air sungainya tohor, lagi dengan rantau pasir sepanjangnya, dalam sungai itu terlalu banyak pulau, dalamnya airnya tawar sampai ke kuala. Musim utara gelora muaranya; kelian emas di hulunya, banyak padang seluas-luas di sana. Isi hutannya gajah, badak harimau, seladang dan sekalian perburuan. Adalah diceritakan orang, daging seladang itu kurang sepemanggang daripada gajah. dahulu kalanya Indera Pura itu takluk ke benua Siam, nama rajanya Maharaja Dewa Sura, keluarga juga pada Paduka Bubunnya.

“Setelah Sultan Mansur Syah mendengar khabar negeri itu, maka terlalu rasanya baginda ingin; maka baginda menitahkan Bendahara Paduka Raja menyerang Indera Pura, ia membawa kelengkapan dua ratus.”

(Sulalatus Salatin, 1979: 90)

Petikan memerihalkan gambaran sistem perairan yang terdapat di Indera Pura pada zaman pemerintahan Maharaja Dewa Sura. Indera Pura atau juga dikenali sebagai Pahang mempunyai sungai yang tohor, atau cetek, airnya tawar sehingga ke kuala

sungai, malah, apabila tiba musim angin, muara sungainya bergelora. Manakala pada bahagian hulu sungai, timbul bahan galian emas. Keadaan ini menjadi antara tarikan yang terdapat pada sungai di negeri Pahang, seterusnya membawa kepada punca penaklukan Melaka ke atas negeri tersebut. Sumber perairan memberi sumbangan yang besar kepada kesejahteraan masyarakat menerusi fungsinya dalam kehidupan seharian. Antaranya dalam keperluan domestik, keperluan pertanian, keperluan ekonomi dan keperluan pengangkutan. Sumbangan sumber perairan ini juga banyak dinyatakan menerusi teks kajian sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan di berikut:

“Maka fakir itu pun turunlah ke kapal, lalu belayar berbalik pula; maka jatuh ke negeri Perlak, maka sekalian mereka itu pun diislamkan. Maka kapal itu pun berlayar ke Semundra. Maka fakir pun naik ke darat, maka is bertemu dengan Merah Silu berkarang di pantai. Maka fakir itu pun bertanya katanya, “Apa negeri ini?” maka sahut Merah Silu, “Adapun nama negeri ini Semundra.” Maka kata fakir itu, “Siapa nama pengetuanya dalam negeri ini?” Sahut Merah Silu, “Hambalah pengetua sekalian mereka itu.” Maka oleh fakir itu Merah Silu diislamkan dan diajarinya kalimatul syahadat. Setelah Merah Silu Islam, maka Merah Silu kembali ke rumahnya, fakir itu kembali ke kapalnya.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 54)

Petikan memperlihatkan fungsi sumber perairan sebagai sistem pengangkutan dalam memenuhi keperluan masyarakat Melayu tradisional. Hal ini dijelaskan menerusi penggunaan kata dan frasa ‘kapal’, ‘berlayar’ dan ‘naik ke darat’. Sistem pengangkutan jalan laut berkenaan digunakan fakir untuk berlayar dari tanah Arab ke Semundra bagi menyampaikan dakwah Islam. Dalam hal ini, menerusi kemudahan sistem perairan mewujudkan jalan perhubungan dalam sistem pengangkutan, justeru

membentuk hubungan dua hala antara kerajaan-kerajaan pada ketika itu (Abdul Halim Nasir, 1977: 17).

Hubungan dua hala tersebut secara tidak langsung menyumbang kepada kesejahteraan kerajaan dan masyarakat Melayu semasa. Hal ini dapat dilihat menerusi wujudnya pelbagai aktiviti yang melibatkan sumber perairan sebagai jalan perhubungan seperti penyebaran agama atau dakwah Islam. Berdasarkan gambaran pada *Sulalatus Salatin*, kedatangan agama Islam ke alam Melayu adalah melalui jalan laut. Kedatangan para pendakwah dari Arab menggunakan kapal dan berlabuh di pantaipantai pada kawasan sejarah, misalnya Samundra [Sumatera] dan Melaka, bertujuan untuk mengislamkan penduduk di kawasan tersebut. Proses pengislaman masyarakat Melayu ini dinyatakan sebagaimana pada petikan di bawah:

“Setelah hari pun asarlah, maka datanglah sebuah kapal dari Jeddah serta ia datang berlabuhlah; maka turunlah makhdum dari dalam kapal itu, Syed Abdul Aziz namanya, lalu ia sembahyang di pantai Melaka itu. Maka hairanlah orang Melaka melihat dia ...Setelah sudah makhdum itu sembahyang, maka raja pun menderumkan gajahnya. Makhdum dibawa baginda naik gajah lalu dibawa baginda masuk ke dalam negeri. Maka segala orang besar-besar semuanya masuk Islam; sekalian isi negeri lelaki perempuan, tua muda kecil besar sekaliannya masuk Islam dititahkan baginda.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 69)

Petikan memperlihatkan fungsi sumber perairan sebagai medium penghubung dalam menyebarkan dakwah Islam ke Melaka pada zaman pemerintahan Raja Kecil Besar. Peranan laut pada kawasan sejarah ternyata menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat Melayu semasa, iaitu apabila kedatangan Islam

membawa pelbagai pembaharuan, terutamanya yang berkait dengan sistem sosial masyarakat Melayu.

“Maka raja pun bergurulah pada Makhdum akan tertib sembahyang, baginda digelarnya seperti sabda nabi salla’llahu ‘alaihi wa salam- Sultan Muhammad Syah. Adapun Bendahara bergelar Seri Wak Raja, yakni bapa raja, kerana Bendahara itu ayah- yang salah tak menjadikan – kepada baginda; itulah pertama-tama Bendahara. Raden Anum menjadi Perdana Menteri, bergelar Seri Amar Diraja;...Maka Sultan Muhammad Syah pun mengatur takhta kerajaan baginda. Syahadan bagindalah yang pertama-tama meletakkan “kekuningan larangan”;...”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 69-70)

Petikan memerihalkan pembaharuan yang dilakukan oleh Raja Kecil Besar selepas kedatangan Islam ke Melaka yang bermula dari pucuk pimpinan baginda kemudian diperluas kepada rakyat jelata. Raja Kecil Besar mengambil langkah permulaan dengan melakukan pembaharuan yang bertumpu kepada golongan pemimpin dengan menukar gelaran baginda dan para pembesar. Kemudian diikuti dengan pembaharuan yang lebih meluas serta melibatkan rakyat, iaitu berhubung adatistiadat Melayu.

Dalam pada itu, aktiviti perdagangan juga dikenal pasti wujud lantaran adanya sistem pengangkutan menerusi sumber perairan pada budaya ketara statik kawasan sejarah. Sistem pengangkutan jalan air sama ada laut atau sungai memberi kemudahan kepada para pedagang dari pelbagai kawasan, datang dan singgah untuk menjalankan aktiviti perdagangan di kawasan tersebut. Di samping itu, adanya pelbagai pusat-pusat perdagangan seperti pelabuhan, bandar, pekan dan pasar di kawasan sejarah, menjadi tarikan utama yang memikat para peniaga dan pedagang menjalankan aktiviti perdagangan. Hal ini dapat diteliti menerusi

petikan pada teks kajian sebagaimana yang dijelaskan pada petikan berikut:

“Hatta maka datang sebuah kapal Peringgi dari Goa, ia berniaga di Melaka. maka dilihat oleh Peringgi itu, negeri Melaka terlalu baik, bandarnya terlalu ramai.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 230)

Peristiwa pada petikan menekankan hubungan sumber perairan dengan aktiviti perdagangan yang diperlihatkan menerusi kedatangan pedagang Peringgi dari Goa berlayar dengan kapal dan singgah untuk berniaga di Melaka. Malahan, para pedagang tersebut turut mengagumi keadaan bandar Melaka yang dipenuhi dengan orang. Senario berkenaan menjelaskan wujudnya daya tarikan di bandar Melaka yang memikat hati para peniaga untuk menjalankan perdagangan di kawasan sejarah tersebut. Bahkan pusat-pusat perdagangan ini juga menjadi antara faktor penarik yang mewujudkan kelangsungan aktiviti perdagangan sebagaimana yang dijelaskan pada rangkap puisi berikut:

“Zaman sultan Raja Iskandar, Membuat negeri di Pulau Cempaka; Eloknya pekan dengan bandar, Tempat dagang datang berniaga.

Membuat negeri di Pulau Cempaka, Digelar Pulau Indera Sakti; Dagang senteri datang berniaga, Ke bawah duli berbuat bakti.

Tuanku raja Sultan Iskandar Takhta di Pulau Indera Sakti; Indahya lagi jangan disedar, Kota pun bagai sudah dihati.”

(*Misa Melayu*, 1992: 38)

Puisi memerihalkan keelokan pusat perdagangan di Pulau Indera Sakti sebagai faktor utama kedatangan para pedagang ke Perak. Malahan, puisi turut menekankan pusat perdagangan di Pulau Indera Sakti yang dikunjungi bukan sahaja oleh para pedagang dari luar, malah, dagang senteri sama ada saudagar, pelawat atau pelajar (Teuku Iskandar, 2007: 301). Dengan kata lain, kewujudan pusat-pusat perdagangan di Pulau Indera Sakti menjadi tumpuan utama para pedagang dan pengunjung luar sekaligus memajukan dan mengiktiraf kawasan tersebut sebagai pusat sehati bagi aktiviti pentadbiran dan perdagangan serantau.

Dalam hubungan ini, keadaan, pergerakan dan wujudnya sumber perairan menampilkan idea yang kemudian mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu, seterusnya menyumbang kepada penggunaannya sebagai jalan pengangkutan. Hasil tindakan manusia yang menjadikan sumber perairan sebagai jalan perhubungan dengan pelbagai negara, membuka kepada jalinan hubungan kemasyarakatan, kebudayaan dan ekonomi sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan masyarakatnya. Perihal ini menggambarkan wujudnya unsur teknologi, iaitu perihal ilmu yang lahir dari penghayatan terhadap sumber perairan. Ilmu berkenaan jelas dijana secara objektif dan rasional, sehingga menyebabkan kepada pelbagai perubahan, sekaligus menyumbang revolusi dan pembudayaan ilmu serta penyebarannya.

Secara tuntas, ilmu pengetahuan merupakan aspek penting dalam penghasilan sesebuah budaya ketara, seperti kawasan sejarah. Hal ini hakikatnya bagi memastikan keberhasilan budaya ketara terbabit dalam memenuhi keperluan masyarakat setempat. Ilmu pengetahuan ini bukan sahaja melibatkan kaedah penghasilan, bahkan merangkumi ukuran pada komponen, meliputi ilmu tentang aspek berkenaan. Hal ini jelas selaras dengan unsur teknologi, iaitu unsur keempat pada teori kebudayaan Malik Bennabi.

Unsur teknologi merupakan unsur yang berkait dengan ilmu pengetahuan. Malik Bennabi menjelaskan kesemua bidang memerlukan ilmu pengetahuan (Malik Bennabi, 2003: 62). Ilmu yang diperoleh digunakan dalam membangunkan industri dan khalayak semasa. Dalam konteks masyarakat, unsur teknologi

merujuk kepada pengekalan ilmu sedia ada, kemudian mengembangkannya secara berterusan. Hal ini bermaksud, ilmu pengetahuan yang diperoleh bukan hanya perlu diamalkan malah perlu sama disebarluaskan sehingga adanya pakar-pakar dan kepakaran dalam bidang tertentu. Malah, pengamalan ilmu terbabit, melahirkan budaya ilmu yang mampu memberi manfaat kepada masyarakatnya.

Dalam konteks ini, pengetahuan dalam proses penghasilan kawasan sejarah bersandarkan persekitaran semasa, dijadikan ilmu penghasilan penempatan dan pusat perdagangan dalam kalangan masyarakat Melayu. Ilmu terbabit digunakan dalam melahirkan produk budaya ketara kawasan sejarah yang berkesan malah bermanfaat kepada khalayaknya. Pengaplikasian ilmu berkenaan memperlihatkan keupayaan masyarakat Melayu melahirkan pakar dan kepakaran yang bersesuaian dengan kehendak semasa. Bahkan, turut melahirkan budaya ilmu dengan menyebarkan kepakaran sedia ada. Pandangan ini selaras dengan anjuran Malik Bennabi (2003: 63) berkenaan kepentingan unsur teknologi dalam melahirkan kepakaran iaitu menerusi kepimpinan teknikal yang dimiliki masyarakatnya.

Penjanaan sistem pertahanan bagi sesebuah kawasan sejarah, tidak hanya bertumpu kepada hasil semula jadi sahaja, bahkan turut merangkumi hasil manusia yang terdapat pada kawasan sejarah. Hal ini diperlihatkan menerusi petikan puisi berikut:

Tanjung Putus selatnya tiga, Kota dibangun di muka-
muka, Seberang-menyeberang bertentang juga, Di
tengah pulau sudah terjangkau.

Tempat elok terlalu indah, Dengan kampungnya
hadirlah sudah, Segala tanaman memberi faedah,
Nyiur pun banyak rendah-rendah. ...

Kota pun sudah sekalian direka, Aturnya sudah bagai
dijangka, Sekalian memandang teralu suka, Laksana
kota negeri Melaka.

Indahnya konon kota negeri, Sekaliannya baru dipunggari, Tebing dipagar dengan baiduri, Tanah ditambak Langkapuri.

(*Misa Melayu*, 1992: 90-93)

Petikan memerihalkan bahan yang digunakan bagi membina Kota Tanjung Putus, iaitu batu dan tanah. Bagi masyarakat Melayu, penghasilan kota dengan campuran kedua-dua bahan tersebut adalah berdasarkan kepada teknik-teknik tertentu. Antaranya, kota yang dibina dengan batu dan kemudian di ditutup atau dilepa dengan tanah ataupun teknik ketulan batu yang disusun atas lapisan tembok tanah dan teknik tanah yang ditambak dengan ketulan-ketulan batu (Abdul Halim Nasir, 1990: 43-44). Kota Tanjung Putus yang dinyatakan menerusi puisi dibina menggunakan bahan batu, yang dirujuk menerusi kata “baiduri” dan tambakkan tanah, terhasil sama ada dengan menggunakan teknik kedua atau teknik ketiga. Kedua-dua teknik itu bagaimanapun menghasilkan reka bentuk tembok kota.

Reka bentuk tembok kota dalam konteks ini yang diperlihatkan pada tiga ciri yang digambarkan pada binaan kota berkenaan, iaitu bahan asas pembinaan kota, yang terdiri daripada campuran batu dan tanah. Kedua, menerusi teknik pembinaan kota, iaitu teknik tambakan yang akhirnya membentuk rekaan tembok. Malahan, reka bentuk tembok ini juga dikenal pasti menerusi kata “baiduri” pada rangkap puisi, yang berkemungkinan bukan merujuk kepada jenis batu, namun merujuk kepada kata “baluri” iaitu tembok kota (Abdul Halim Nasir, 1990: 53). Oleh hal demikian, menerusi ciri-ciri yang dinyatakan pada binaan kota, jelas merujuk kepada reka bentuk penghasilan kota-kota Melayu. Dalam pada itu, pembinaan kota Tanjung Putus juga berperanan dalam melahirkan kesan keselamatan bagi rakyat dan kerajaan kesultanan Melayu Perak. Hal ini bertitik tolak dari kedatangan Belanda ke negeri Perak dengan tujuan untuk mendapatkan bijih timah. Kedatangan Belanda yang membina loji bijih timah di Tanjung

Putus, memberi gambaran awal wujudnya penguasaan pihak kompeni di negeri Perak. Hal ini mencetuskan kebimbangan Sultan Iskandar Zulkarnain. Bagi mengelakkan bahaya dan musibah penguasaan Belanda ke atas perdagangan bijih timah, seterusnya merampas kedudukan dan kedaulatan kerajaan Perak, baginda memutuskan untuk membina kota di Tanjung Putus sebagai langkah pertahanan dan persempadanan antara kawasan pendudukan Belanda dengan jajahan negeri Perak. Perihal keadaan ini turut dinyatakan menerusi petikan puisi di bawah:

Daulat tuanku duli mahkota, Limpah karal di atas takhta,
Patik persembahkan suatu cerita, Di Tanjung Putus
membangunkan kota.

Daripada awal sudah terwaad, Terlintas pula ke dalam
fuad, Kota negeri hendak diperbuat, Supaya sentosa
bertambah kuat.

Akan titah duli mahkota, Kepada adinda sekalian dinyata,
Masa ini zamannya kita, Baiklah kira berbuat kota.

Sungguh sudah ada Holanda, Kurang yakin di dalamnya
dada, Selagi umur belum berida, Hendaklah kita berbuat
tanda.

Muafakat kita tiga bersaudara, Segala wazir menurut
bicara, Seisi negeri di dalam bicara, Sedikit pun jangan
diberi cedera.

(Misa Melayu, 1992: 73-74)

Menerusi petikan, menjelaskan faktor terbangunnya kota Tanjung Putus, iaitu sebagai langkah berjaga-jaga dan menyekat kependudukan Belanda di negeri Perak. Hasil manusia yang terdiri dari tembok pagar kota di kawasan sejarah, iaitu Tanjung Putus, berfungsi sebagai medium utama yang membentuk

persempadanan kawasan dudukkan Belanda dan kawasan jajahan kerajaan kesultanan Melayu Perak pada ketika itu seterusnya menyekat penguasaan Belanda ke atas negeri Perak. Penggunaan tembok pagar kota yang digunakan sebagai kota pertahanan dan persempadanan kawasan jajahan Perak jelas berhasil apabila pihak Belanda dilihat tidak senang dengan pembinaan kota berkenaan. Oleh disebabkan pihak kompeni Belanda masih mahu kekal berurusan dengan kerajaan Perak bagi mendapatkan bijih timah, Belanda tidak membuat sebarang tindakan ke atas pembinaan kota tersebut.

Setelah sudah sekalian belaka, Kota dibangun beratur tiga, Holanda melihat hatinya duka, Hendak mengadap takutkan murka.

(Misa Melayu, 1992: 93)

Petikan memerihalkan kebimbangan yang dirasakan oleh pihak Belanda apabila Sultan Iskandar Zulkarnain membina kota di sepanjang selat Tanjung Putus. Jelaslah bahawa, penghasilan kota Tanjung Putus mengakibatkan kesan keselamatan yang menjamin kesejahteraan penduduk dan kerajaan Melayu Perak. Hal ini merupakan suatu bentuk usaha yang dijalankan oleh masyarakat Melayu, berdasarkan kemampuan masyarakat dan sumber alam persekitaran dalam membina kota yang mampu menjamin kesejahteraan masyarakat Melayu, sebagaimana yang dijelaskan dalam unsur teknologi pada teori Malik Bennabi.

Dalam hubungan ini, unsur teknologi yang mempengaruhi penghasilan kota di kawasan sejarah Tanjung Putus diperihalkan menerusi idea pembinaan kota yang jelas terhasil dari pemikiran rasional masyarakat Melayu sekali gus memperlihatkan kemampuan kota berkenaan bukan sahaja sebagai mekanisme pertahanan dalam melindungi keselamatan penduduk setempat, bahkan menjamin kedaulatan kerajaan Melayu Perak pada ketika itu. Hal ini memperlihatkan kecenderungan masyarakat Melayu dalam membawa sarana ilmu di samping memberi penekanan

terhadap ilmu yang bersifat objektif, sebagaimana yang turut ditekankan dalam unsur teknologi.

Dalam pada itu, unsur teknologi ini jelas berkait dengan ilmu pengetahuan yang menganjur kepada proses pengekalan dan perkembangannya. Dari sudut kemasyarakatan, unsur teknologi ini melibatkan usaha pengekalan dan perkembangan ilmu pengetahuan (Malik Bennabi, 2003: 62). Hal ini bermula dari ilmu pengetahuan asas yang jelas diperlukan oleh masyarakat semasa. Kemudian, ilmu pengetahuan yang berfokus, meningkatkan kebolehan yang diperlukan khalayak seterusnya melahirkan lebih banyak pakar dan kepakaran, sebagai antara keperluan dalam membina peradaban.

Dalam konteks ini, pengetahuan dalam proses penghasilan kota pada kawasan sejarah bersandarkan persekitaran semasa, dijadikan ilmu dalam seni bina kalangan masyarakat Melayu. Ilmu seni bina terbabit digunakan dalam melahirkan produk budaya ketara yang berkesan malah bermanfaat kepada khalayaknya. Pengaplikasian ilmu berkenaan memperlihatkan keupayaan masyarakat Melayu melahirkan pakar dan kepakaran yang bersesuaian dengan kehendak semasa. Bahkan, turut melahirkan budaya ilmu dengan menyebarkan kepakaran sedia ada. Pandangan ini selaras dengan anjuran Malik Bennabi (2003: 63) berkenaan kepentingan unsur teknologi dalam melahirkan kepakaran iaitu menerusi kepimpinan teknikal yang dimiliki masyarakatnya. Hal ini turut difahami Syihab Usman (2003: 281), yang menyatakan unsur teknologi menganjur kepada pengaplikasian langkah fundamental ke arah mewujudkan budaya intelektual dan perkembangan ilmu pengetahuan.

Di samping itu, unsur teknologi yang memberi penekanan terhadap ilmu pengetahuan juga diperlihatkan menerusi hasil manusia pada teks kajian. Hal ini berkait dengan penggunaan bahan bagi memastikan keberkesanan kawasan sejarah dalam menampilkan kesan keselamatan. Bahan penghasilan, yang terdiri daripada bahan semula jadi yang terdapat di persekitaran khalayak, digunakan dalam membina pelbagai hasil manusia sekali gus memastikan peranannya dalam menampilkan kesan tersebut pada

kawasan sejarah. Hal ini turut dijelaskan dalam peristiwa pada teks kajian, seperti pada petikan di bawah:

“Apa kerja kita berkotakan betis ini? Mendayakan diri kita. Jika berkotakan batang pisang alangkah baiknya.” Setelah didengar Paduka Seri Maharaja kata budak itu, maka dikerahkan baginda rakyat mengambil batang pisang diperbuat kota. maka dikerjakan oranglah berkotakan batang pisang. Maka segala todak yang melompat itu lekatlah jongornya, tercacak kepada batang pisang itu; dibunuh oranglah bertimbun-timbun di pantai itu, hingga tiadalah termakan lagi oleh segala rakyat.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 64)

Petikan berikut memperlihatkan pembinaan kota yang terhasil dari bahan semula jadi dan banyak terdapat di persekitaran masyarakatnya, iaitu batang pisang. Penggunaan batang pisang dalam konteks peristiwa bertujuan bagi mengelakkan serangan todak yang menyerang pantai Singapura pada ketika itu, sekali gus menjelaskan peranan penghasilan kota berkenaan, iaitu sebagai kota pertahanan bagi kerajaan Melayu Singapura. Tambahan pula, menerusi binaan kota yang dari bahan tersebut, secara langsung, memberikan jaminan keselamatan kepada penduduk di sekitar kota berkenaan.

Mekanisme keselamatan yang dijana menerusi kota batang pisang bagi menggantikan kota dari manusia jelas memperlihatkan pemilihan masyarakat Melayu kepada ilmu yang bersifat objektif, yang jelas bersandar kepada bahan semula jadi yang mudah didapati di persekitaran masyarakatnya. hal ini seterusnya membawa kepada revolusi ilmu seterusnya pembudayaan ilmu pengetahuan dan perkembangannya.

Secara tuntas, ilmu pengetahuan merupakan aspek penting dalam penghasilan sesebuah budaya ketara kawasan sejarah. Hal ini hakikatnya bagi memastikan keberhasilan budaya ketara berkenaan dalam memenuhi keperluan masyarakat setempat. Ilmu

pengetahuan ini bukan sahaja melibatkan kaedah pembinaan kawasan sejarah, merangkumi ukuran pada komponen, malah meliputi ilmu tentang sumber bahan. Hal ini jelas selaras dengan unsur teknologi, iaitu unsur keempat pada teori kebudayaan Malik Bennabi.

Unsur teknologi merupakan unsur yang berkait dengan ilmu pengetahuan. Malik Bennabi menjelaskan kesemua bidang memerlukan ilmu pengetahuan (Malik Bennabi, 2003: 62). Ilmu yang diperoleh digunakan dalam membangunkan industri dan khalayak semasa. Dalam konteks masyarakat, unsur teknologi merujuk kepada pengekalan ilmu sedia ada, kemudian mengembangkannya secara berterusan. Hal ini bermaksud, ilmu pengetahuan yang diperoleh bukan hanya perlu diamalkan malah perlu sama disebarluaskan sehingga adanya pakar-pakar dan kepakaran dalam bidang tertentu. Malah, pengamalan ilmu terbabit, melahirkan budaya ilmu yang mampu memberi manfaat kepada masyarakatnya.

Dalam konteks ini, pengetahuan dalam proses penghasilan kota pada kawasan sejarah bersandarkan persekitaran semasa, dijadikan ilmu dalam seni bina kalangan masyarakat Melayu. Ilmu seni bina terbabit digunakan dalam melahirkan produk budaya ketara yang berkesan malah bermanfaat kepada khalayaknya. Pengaplikasian ilmu berkenaan memperlihatkan keupayaan masyarakat Melayu melahirkan pakar dan kepakaran yang bersesuaian dengan kehendak semasa. Bahkan, turut melahirkan budaya ilmu dengan menyebarkan kepakaran sedia ada. Pandangan ini selaras dengan anjuran Malik Bennabi (2003: 63) berkenaan kepentingan unsur teknologi dalam melahirkan kepakaran iaitu menerusi kepimpinan teknikal yang dimiliki masyarakatnya. Hal ini turut difahami Syihab Usman (2003: 281), yang menyatakan unsur teknologi menganjur kepada pengaplikasian langkah fundamental ke arah mewujudkan budaya intelektual dan perkembangan ilmu pengetahuan.

RUMUSAN

Berdasarkan penelitian, jelas terdapat kawasan sejarah yang terkandung di dalam teks Sulalatus Salatin dan Misa Melayu bahkan mempunyai hubungannya dengan aspek budaya masyarakat setempat. Hal ini dijelaskan menerusi komponen yang membina kawasan sejarah terbabit, iaitu hasil semula jadi dan hasil manusia. Dalam konteks ini, komponen terbabit jelas menyumbang kepada aspek budaya melalui fungsinya terhadap masyarakat Melayu. Dalam hubungan ini, perihal fungsi pada hasil berkenaan, jelas memperlihatkan sumbangan kawasan sejarah terbabit terhadap masyarakat Melayu, merangkumi kemudahan dalam mendapatkan pelbagai sumber asas, mekanisme pertahanan atau keselamatan, perhubungan, perdagangan dan ekonomi, penyebaran agama atau dakwah dan kedaulatan kerajaannya sekali gus menyumbang kepada kebudayaan masyarakat Melayu semasa, merangkumi kepercayaan, keselamatan, politik, ekonomi, dan persempadanan. Kesemua sumbangan terbabit jelas merupakan keperluan kepada kehidupan asas sesebuah masyarakat yang dijana menerusi cara hidup, atau budaya. Hakikatnya, sumbangan tersebut dijana menerusi idea dan pemikiran khalayak dalam membina sesebuah kawasan sejarah. Masyarakat Melayu jelas berpegang kepada pegangan dan kepercayaan semasa dalam membentuk kawasan sejarah, meliputi penghayatan dan penilaian, yang melahirkan pemikiran atau idea yang mempengaruhi tindakan khalayaknya. Oleh hal demikian, lahirlah pemikiran berbentuk akliah, rasional dan objektif seterusnya membentuk kawasan sejarah yang jelas menampilkan wujudnya proses pembudayaan ilmu yang benar dalam kalangan masyarakat.

Dalam pada itu, pemikiran terbabit jelas menyumbang kepada lahirnya ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat Melayu, sekali gus memperlihatkan wujudnya kepakaran tertentu sehingga terbinanya kawasan sejarah. Menerusi unsur teknologi dari teori Kebudayaan Malik Bennabi, jelas bahawa proses pembinaan kawasan sejarah adalah bersandar kepada persekitaran semasa, yang kemudian membentuk ilmu pengetahuan dalam

kalangan masyarakat Melayu. Pengaplikasian ilmu terbabit jelas menganjur kepada pembentukan kawasan sejarah sekaligus memperlihatkan wujudnya pakar dan kepakaran dalam penghasilan budaya ketara. Bahkan, pakar dan kepakaran terbabit turut menitik beratkan keperluan semasa masyarakat Melayu, sebagai satu bentuk ilmu seterusnya menjadi sauh identiti kepada khalayaknya.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. (1977). *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Abdul Halim Nasir. (1990). *Kota-Kota Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman al-Ahmadi. (2000). "Tajul Muluk." Dlm. *Petua Membina Rumah Melayu Dari Sudut Etnis Dan Anthropologist*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Abdullah Sani Ahmad *et al.*, (2006). *Kajian Elemen Reka Bentuk Landskap Melayu, Nilai Fungsi Komponen dalam Landskap Melayu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*. (2014). Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.
- Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Warisan Kebudayaan dan Warisan Semula jadi*. (2014). Malaysia: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
- Hashim Awang dan Hashim Ismail, (2016). "Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan Antar-Budaya Melayu Jawa dalam Sulalatus Salatin." *Jurnal MANU*. Bil 23. Hlm. 1-20. Kementerian Kebudayaan, Kesenian Warisan.
- Laporan Prestasi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004-2007.
- Malik Bennabi. (2003). *The Questions of Culture*. Terj. Abdul Wahid Lu'lu'a. Mohd El Tahhir El Mesawi (Ed.). Richmond, Surrey: The International Institution of Islamic Thought.

Syihab Usman. (2003). "Agama dan Pengaruhnya dalam Pembangunan Peradaban: Satu Kajian Tentang Pemikiran Malik Bennabi (1905-1973)". *Tesis Ph.D.* Universiti Malaya.

Teuku Iskandar. (2005). *Kamus Dewan*. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<http://www.heritage.gov.my> –dicapai pada 01 Disember 2014